

26 MAR 1996

Mahathir - Tiba

MAHATHIR TIBA DI NEW ZEALAND

Oleh: Syed Jamil Jaafar

WELLINGTON, 26 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di sini hari ini untuk lawatan rasmi empat hari bertujuan mempertingkatkan hubungan dua hala dengan negara kepulauan Pasifik Selatan ini.

Selepas upacara sambutan ketibaan di bangunan Parlimen sejeurus tiba, Dr Mahathir mengadakan perbincangan dengan rakan sejawatannya di New Zealand James Bolger.

Ini disusuli dengan mesyuarat rombongan antara kedua-dua pihak dengan tumpuan kepada meningkatkan perdagangan serta kerjasama dalam bidang pendidikan.

Dr Mahathir yang diiringi oleh Datuk Seri Datin Paduka Dr Siti Hasmah dan serombongan para pegawai termasuk Menteri Pendidikan Datuk Seri Najib Tun Razak dan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz akan berada di sini selama dua hari sebelum berlepas ke Auckland, pusat perdagangan New Zealand.

Tengah hari ini, Dr Mahathir dijadual mengunjungi Gabenor-Jen yang baru Sir Michael Hardie Boys di Rumah Kerajaan. Ini disusuli pula mesyuarat dengan masyarakat Malaysia di New Zealand di Suruhanjaya Tinggi Malaysia.

Malaysia dan New Zealand menikmati hubungan lama dan erat, dan kedua-duanya adalah anggota Komanwel serta rakan dalam Peraturan Pertahanan Lima Kuasa (FPDA). -- BERNAMA

SJJ CR